



**Pelancaran Tabung Kebajikan Staf UPM  
sempena Majlis Peruntusan 100 Hari  
Naib Canselor UPM pada 11 April 2011**

Hadith:  
Dari Hakim bin Hizam r.a katanya: "Tangan yang di atas (tangan yang memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (tangan yang menerima atau meminta). Maka kerana itu mulakanlah memberi kepada keluargamu. Sebaik-baik sedekah ialah ketika kaya. Sesiapa yang memohon dipelihara (agar ia tidak sampai memintaminta) Allah akan memeliharanya dan sesiapa yang memohon dicukupkan (agar ia tidak bergantung selain kepada Allah) Allah akan mencukupkannya."

(al-Bukhari)

Huraian

**BERSEDEKAH** dalam Islam bukan sekadar memberi wang ringgit kepada mereka yang memerlukan. Konsep bersedekah dalam Islam adalah luas, membabitkan perkara yang membawa kebaikan sama ada dalam bentuk kerohanian mahupun fizikal. Setiap orang yang berbuat kebajikan nescaya diberkati Allah dengan dikurniakan kesejahteraan hidup dan mendapat rahmat-Nya. Allah juga akan mengelakkan hartanya daripada kecurian atau hilang. Dalam surah al-Lail, Allah telah menyatakan tentang sifat kedekut dan ego di mana orang yang bersifat demikian kehidupannya akan dipenuhi dengan liku yang sukar dan bermasalah. Bahkan Seseorang yang tidak suka bersedekah adalah umpama seseorang yang mempunyai benih tanaman, tetapi tidak pula ia menanamnya. Orang yang tidak suka bersedekah ini tidak akan dapat memungut atau menuai hasil rezekinya itu.



**KETERANGAN LANJUT :**

Urusetia Tabung Kebajikan Staf UPM  
Seksyen Perubatan dan  
Perhubungan Pekerja  
Pejabat Pendaftar  
Tel: 03-8947 1556/ 1562  
Faks: 03-8947 2098 / 7151  
Emel: arutar@upm.edu.my /  
m\_shahrulanwar@upm.edu.my

**TABUNG  
KEBAJIKAN  
STAF UPM**



**ANDA DITIMPA MUSIBAH?  
BAGAIMANA UNTUK MEMBANTU RA-  
KAN ANDA YANG DITIMPA MUSIBAH?**



*"Tangan di atas lebih baik  
dari tangan di bawah"*



# TABUNG KEBAJIKAN STAF UPM

## APA ITU TABUNG KEBAJIKAN STAF?

Penubuhan Tabung Kebajikan Staf UPM telah diluluskan oleh Mesyuarat JPU ke-398 (Khas) dan dilancarkan pada 11 April 2011 bersempena Majlis Peruntusan 100 Hari Naib Canselor UPM dengan tujuan:

1. Membantu staf Universiti dalam meringankan beban yang dihadapi disebabkan oleh sesuatu musibah.
2. Mewujudkan komuniti Universiti yang prihatin dengan menunaikan tanggung jawab sosial secara bersama.
3. Dapat meningkatkan saham Akhirat melalui sumbangan dan amal jariah.

## BAGAIMANA UNTUK MENYUMBANG?

Salah satu cara penjana dana tabung ini adalah daripada staf yang bersetuju untuk menyumbang secara tetap melalui potongan gaji secara bulanan. Ia adalah terbuka kepada semua staf Universiti yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan bertaraf Tetap, Kontrak dan Sementara (Tutor) tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama.

Staf yang berminat untuk membantu menyumbang di dalam Tabung Kebajikan ini boleh mengisi Borang Perseetujuan dan menghantar borang tersebut ke Pejabat Pendaftar. Kadar sumbangan adalah **tidak ditetapkan** dan ianya bergantung kepada nilai yang ingin disumbangkan oleh individu.

## PERLUKAN BANTUAN?

Staf yang memerlukan bantuan boleh membuat permohonan dengan mengemukakan surat permohonan berserta dokumen sokongan (cth: laporan polis, laporan doktor) kepada:

Jawatankuasa Tadbir Urus Tabung Kebajikan Staf UPM,  
Seksyen Perubatan dan Perhubungan Pekerja,  
Pejabat Pendaftar.

Ia adalah terbuka kepada semua staf Universiti yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan bertaraf Tetap, Kontrak dan Sementara (Tutor) tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama.

### Faedah:

#### Kategori

Bantuan Bencana alam

Bantuan Kebakaran

Masuk wad akibat kemalangan

Hilang upaya (akibat kemalangan)

Kematian

Penyakit kritikal

Rompakan

## BORANG PERSETUJUAN SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN STAF UPM MELALUI POTONGAN GAJI BULANAN

Saya .....

No. K/P .....

No. Staf .....

PTJ .....

dengan ikhlas bersetuju membuat potongan gaji sebanyak RM..... sebagai sumbangan bulanan ke dalam tabung ini berkuatkuasa mulai bulan ..... tahun .....

Tandatangan: .....

Tarikh: .....